

PENDEKATAN TAREKAT QODIRIYAH NAQSYABANDIYAH DALAM PEMULIHAN DADAH: SATU META ANALISIS

APPROACHES OF TAREKAT QODIRIYAH NAQSYABANDIYAH IN DRUG REHABILITATION: A META ANALYSIS

Abu Bakar Ahmad Mansor ¹
Dr Khairiah Mohd Yassin ²
Prof Dr Shukri Ahmad ³

¹Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP), Universiti Utara Malaysia
(ustazabam@gmail.com)

²Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP), Universiti Utara Malaysia
(mykhairiah@uum.edu.my)

³Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP), Universiti Utara Malaysia
(shuk494@uum.edu.my)

Article history

Received date : 16-1-2020
Revised date : 21-1-2020
Accepted date : 29-4-2020
Published date : 23-6-2020

To cite this document:

Ahmad Mansor, A. B., Mohd Yassin, K., & Ahmad, S.
(2020). Pendekatan Tarekat Qodiriyah
Naqsyabandiyah Dalam Pemulihan Dadah: Satu Meta
Analisis. *Journal of Islamic, Social, Economics and
Development (JISED)*, 5(29), 1 - 9.

Abstrak: Pelbagai usaha yang sedang dan telah dilaksanakan dalam menangani masalah penagihan dadah oleh kerajaan seperti kempen “Belia Benci Dadah”, serta rawatan pemulihan dadah telah dilakukan. Di negara ini terdapat pelbagai pusat rawatan pemulihan dadah telah dilaksanakan dalam membantu memulihkan penagih tegar yang menggunakan kaedah rawatan Barat (moden) dan kaedah tradisional (Islam). Dalam pendekatan tradisional yang berasaskan agama dan kerohanian Islam menggunakan kaedah tarekat seperti Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah (TQN) bagi memulihkan penagih dadah. Sehubungan dengan itu, artikel ini membincangkan mengenai pendekatan atau strategi pemulihan keagamaan dan kerohanian TQN yang digunakan oleh Pondok Remaja Inabah (PRI) dalam memulihkan individu yang terlibat berdasarkan kepada kaedah meta analisis yang melihat kepada karya-karya sarjana sebelum ini yang dianalisis menggunakan perisian Nvivo 12. Hasil analisis tree nodes menunjukkan terdapat lima (5) pendekatan berasaskan kerohanian melalui amalan Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah yang telah dipraktikkan dalam pemulihan dadah yang telah digunakan merangkumi amalan mandi taubat, solat, zikir, fardhu ain, talqin dan baiat. Oleh itu, kaedah berteraskan amalan keagamaan Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah perlu berterusan dilaksanakan kerana kaedah ini mampu membantu memberikan keyakinan dan kekuatan diri kepada penagih untuk meninggalkan najis dadah dan mengubah tingkah lakunya ke arah yang lebih baik.

Kata Kunci: Pemulihan Dadah, Keagamaan, Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah, Meta Analisis

Abstract: Various efforts are being established to tackle the problem of drug addiction by the government as a Campaign of "Youth Hate Drugs and drug rehab treatment. In the country, various drug rehabilitation centers have been implemented to help rehabilitate hardcore addicts using Western (modern) and traditional (Islamic) methods. In the traditional approach, which is based on the Islamic religion and spirituality as a way Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah (TQN) for recovering drug addicts. Accordingly, this article discusses the approach or recovery strategies religious and spiritual TQN used by Pondok Remaja Inabah (PRI) in rehabilitating the affected individuals based on the method of meta-analysis looking at the works of scholars previously analyzed using software Nvivo 12. The results of tree nodes analysis show that there are five (5) spiritual based approaches through the practice of the Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah (TQN) which have been promulgated in drug rehabilitation which have been used including the practice of repentance, prayer, zikir, fardhu ain and talqin and baiat. Therefore, the methodology based on the religious practices of the Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah (TQN) should continue to be practiced as it can help give the addict confidence and self-confidence to abandon drug impurities and change their behavior for the better.

Keywords: Drug Rehabilitation, Religious, Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah, Meta Analysis

Pengenalan

Penagihan dadah merupakan satu masalah dan ancaman merbahaya serta membimbangkan yang telah menyerang semua negara di dunia sehingga ke hari ini. Negara maju, membangun mahupun mundur turut mengalami hal ini dan ianya perlu ditangani secara khusus melalui pelbagai strategi dan metodologi bersesuaian.

Dalam konteks negara Malaysia, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (2011) menyatakan negara ini juga turut berhadapan dengan masalah peningkatan penagihan dadah dari tahun ke tahun. Seheinggakan kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan bahawa bermula pada tahun 1983 dadah merupakan musuh pertama yang menjadi ancaman terhadap negara (Selamah *et al.*, 2017). Pelbagai usaha yang sedang dan telah dilaksanakan dalam menangani masalah penagihan dadah oleh kerajaan. Misalnya, kerajaan telah melakukan penggubalan undang-undang seperti hukuman penjara, sebatan dan mandatori bagi pesalah berkaitan dadah. Selain turut melaksanakan peruntukan undang-undang yang ketat bagi menyekat kemasukan dadah di sempadan negara, penganjuran kempen kesedaran bahaya dadah seperti kempen "Belia Benci Dadah", serta rawatan pemulihan dadah.

Dalam aspek rawatan pemulihan dadah, selain pihak kerajaan, organisasi bukan kerajaan (NGO) juga memainkan peranan dalam usaha menangani masalah penyalahgunaan dadah sekaligus mengurangi statistik penagihan dadah. Terdapat beberapa pusat rawatan pemulihan dadah persendirian dalam negara yang membantu dalam memulihkan penagih tegar dengan menggunakan kaedah rawatan Barat (moden) dan kaedah tradisional (Islam). Kaedah moden ialah menggunakan rawatan *Methadone Maintenance* (MM), *Therapeutic Community* (TC) dan Pemulihan Pesakit Luar dalam suasana yang Bebas Dadah (*Outpatient Drug Free* - ODF). Kaedah tradisional pula menggunakan pendekatan berasaskan keagamaan dan kerohanian Islam.

Pendekatan tradisional yang berasaskan agama dan kerohanian Islam menggunakan kaedah terekat seperti Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah (TQN). Pendekatan TQN dalam upaya memulihkan penagih tegar dilakukan dengan mendirikan pusat pemulihan persendirian iaitu Pondok Remaja Inabah (PRI).

Pondok Remaja Inabah (PRI) adalah antara pusat rawatan persendirian yang membantu dalam mengatasi masalah penagihan dadah di Malaysia dengan mengaplikasikan kaedah rawatan Islam. PRI memberikan rawatan pemulihan dadah dengan cara membina dan memperbaiki mental pelatih melalui pendekatan agama (Muhammad Fadhil *et al.*, 2011) serta membimbing pelatih dengan gaya hidup yang diredhai Allah SWT berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah (Abdullah *et al.*, 2017). Rawatan pemulihan atau terapi yang dilaksanakan di PRI merupakan nilai-nilai Islam melalui ilmu tasawuf dan *amaliah* (amalan) tarekat (Alhamuddin, 2015 & Moh, 2014) manakala amalan keagamaan yang dilaksanakan pula adalah amalan Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah yang berpangkalan di Pondok Pesantren Suryalaya Indonesia. Amalan tersebut diaplikasikan dan dilakukan secara ketat, serta dalam jangka waktu yang tertentu di PRI (Puad, 2018; Dadang, 2017; Abdullah *et al.*, 2017 & Syarifah *et al.*, 2015). Rentetan daripada hal tersebut, artikel ini akan membincangkan mengenai pendekatan atau strategi pemulihan keagamaan dan kerohanian yang digunakan oleh Pondok Remaja Inabah (PRI) dalam memulihkan individu yang terlibat berdasarkan kepada kaedah meta analisis yang melihat kepada karya-karya sarjana sebelum ini.

Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah

Tarekat (طريقت) menurut bahasa ertinya “jalan, cara, garis, kedudukan, keyakinan dan agama”. Selain itu, istilah tarekat juga berasal daripada bahasa Arab iaitu *Thoriqah*, kata jamaknya ialah *Thara'iq*, yang bererti *al-Kafiyyah* iaitu jalan atau cara, *al-Uslub* metod atau sistem, *al-Madzab* iaitu mazhab, aliran, perjalanan, hal, *al-Halah* bermaksud keadaan, *al-Nakhlah al-Tawilah* pohon kurma yang tinggi, *'Amud al-Mazilah* tiang tempat berteduh atau tongkat payung, *Syarif al-Qaum* yang mulia dari kaum dan *al-Khatt fi asy- Syai'* goresan atau garis pada sesuatu (Ibrahim, 1960). Perkataan *Thoriqah* ini yang kemudiannya diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu menjadi perkataan tarekat (al-Bustani, 1986). Ianya membawa maksud suatu jalan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT dengan mengamalkan Ilmu Tauhid, Fikah dan Tasawuf. Selain itu, tarekat adalah cara mengerjakan sesuatu amalan untuk mencapai sesuatu tujuan (Fuad, 2003).

Tarekat Qodiriyyah Naqsyabandiyyah (TQN) adalah salah satu aliran dalam tasawuf yang isi kandungan ajarannya merupakan gabungan dari dua tarekat iaitu Tarekat Qodiriyyah dan Tarekat Naqsyabandiyyah. Kedua-dua tarekat ini dipadukan oleh seorang tuan guru tasawuf iaitu Shaykh Ahmad Khatib Sambas r.a. Qodiriyyah merupakan nama sebuah tarekat yang dinisbahkan kepada pendirinya iaitu Sultan al-Aulia Shaykh Abdul Qadir al-Jailani q.s. (Cecep, 2011), beliau adalah tokoh yang dikagumi dalam kalangan ahli tasawuf (Sri, 2006). Sementara Naqsyabandiyah adalah tarekat yang dinisbahkan kepada pendirinya iaitu Shaykh Bahauddin an-Naqsyabandi q.s. (Cecep, 2011).

Pemulihan Dadah

Pemulihan dadah bermaksud memutuskan pergantungan kepada dadah dan mencegah penagihan semula. Usaha pemulihan penagih dadah adalah berbentuk reformatif di mana penagih-penagih dipulihkan daripada satu keadaan penagihan kepada suatu perwatakan yang

bebas daripada pengaruh dadah (Pasukan Petugas Anti Dadah Majlis Keselamatan Negara, AADK, 1997).

Tujuan pemulihan dilakukan adalah untuk mengurangkan permintaan terhadap dadah (*demand reduction*) dan seterusnya membentuk persekitaran tanpa dadah yang sihat. Usaha memulihkan penagih-penagih di Malaysia sememangnya sinonim dengan Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN), namun selain daripada program pemulihan ini yang diusahakan oleh AADK, terdapat pelbagai kaedah dan modaliti yang digunakan oleh pelbagai pihak untuk memulihkan penagih daripada penggantungan kepada dadah (Mahmood Nazar *et al.*, 2005).

Ulasan Karya

Mohamad Zuki (2006) dalam bukunya “*Rawatan Penagihan Dadah: Pendekatan Kerohanian Menggunakan Metode Thoriqot Qodiriyyah Wan Naqyabandiyyah (TQN)*” yang membincangkan tentang rawatan penagihan dadah. Hasil kajian menunjukkan program rawatan yang dilaksanakan di PRI (1) Malaysia berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah, seperti talqin dan bai’at, mandi taubat, solat, zikir dan kelas fardhu ain dan al-Quran. Selain itu, *Inabah* juga memiliki tiga objektif, pertama taqarrub terhadap Allah SWT iaitu mendekatkan diri kepada-Nya. Kedua menuju jalan *mardhotillah* iaitu jalan yang diredhai Allah SWT dan ketiga kemahabbahan (kecintaan) dan kemakrifatan terhadap Allah SWT, iaitu menimbulkan rasa cinta terhadap Allah SWT dan mengenali-Nya. Di samping itu, pelatih dibimbing ke arah taubat dan berusaha mencapai keimanan yang hakiki agar hidup mereka terarah kepada yang positif dan produktif menurut fitrah yang diciptakan oleh Allah SWT.

Buku penulisan sarjana Dodo (2011) yang bertajuk “*TQN Pondok Pesantren Suryalaya dan Upaya Rekonstruksi Masa Depan Kemanusiaan*” telah membincangkan tentang upaya TQN dalam masa depan. Sarjana ini menyatakan, *Inabah* bermula dilakukan pada tahun 1977 dan proses mewujudkan pembinaan remaja yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah dan kenakalan remaja tersebut telah diuji cuba dengan sebuah kurikulum dan silibus oleh Shaykh Ahmad Sohbul Wafa Tajul Arifin r.a. Setelah terbukti pada tahun 1985, kurikulum dan silibus tersebut diselaraskan dan disusun dalam sebuah buku yang berjudul “*Ibadah Sebagai Metode Pembinaan Korban Penyalahgunaan Narkotika dan Kenakalan Remaja*”. Kurikulum penyembuhan ketagihan dadah yang berdasarkan *zikrullah* ini menjadi pegangan secara khusus bagi para pembimbing Pondok Remaja *Inabah* dan bagi ikhwan TQN, manakala pada umumnya boleh dimanfaatkan bagi kemaslahatan seluruh umat manusia.

Seterusnya kajian yang dilakukan oleh Sabir (2013) yang mengkaji tentang punca penagihan dan jenis dadah dalam kalangan pelatih PRI, keberkesanan metod rawatan pemulihan, faktor sokongan yang mengukuhkan rawatan pemulihan dan perubahan diri semasa menjalani rawatan pemulihan dadah berasaskan metod PRI. Kajian tertumpu di PRI, Sungai Ikan, Terengganu ini mendapati pelatih yang menjalani rawatan asas menyatakan amalan zikir merupakan faktor dominan dalam pemulihan dadah dan diikuti dengan solat dan mandi taubat. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan dalam kalangan yang menjalani rawatan lanjutan yang menyatakan mandi taubat merupakan kunci segala rawatan, jika mandi taubat ini tidak dilaksanakan maka perbuatan seharian dirasakan tidak sempurna.

Selain itu, dalam kajian Aris (2016) berkenaan pemulihan penagihan dadah di Pondok *Inabah* XX Indonesia dengan kaedah *Psycoreligious* (psikologi agama) dengan melaksanakan rawatan

berdasarkan kurikulum dan jadual yang telah disusun. Hasil kajian mendapati kaedah *psycoreligious* tersebut dilakukan dengan cara mandi taubat, solat sunat dan zikir..

Manakala Selamah *et al.* (2016) yang mengkaji peranan kerohanian dalam memperbaiki penagih dadah. Kajian ini juga mendedahkan makna pengalaman melalui kisah-kisah tiga orang Muslim yang pernah terlibat dengan ketagihan dadah. Kajian dilakukan di PRI (1) Malaysia dan data dikumpulkan menggunakan temuduga mendalam. Hasil kajian menunjukkan bahawa bekas penagih dadah mengalami kecanduan dadah dan proses pembelajaran mereka mesti difahami dalam konteks budaya yang sesuai. Penekanan kerohanian bersama mengenai hubungan dengan Tuhan, diri dan orang lain dapat mempengaruhi dirinya untuk belajar hidup tanpa dadah.

Abdullah *et al.* (2017) dalam kajiannya meneliti kaedah pemulihan mangsa penyalahgunaan dadah, masalah sosial remaja, serta mereka yang mengalami ketidak tenteraman jiwa untuk kembali ke jalan yang benar menurut perintah Allah SWT yang dilaksanakan oleh PRI (1) Malaysia. Hasil kajian mendapati setiap mereka akan menjalani tiga kaedah rawatan utama iaitu mandi taubat, solat dan zikir. Hal ini menunjukkan pendekatan kerohanian oleh PRI (1) Malaysia mampu dan terbukti berjaya memulihkan penagih tegar, di samping kejayaan ini boleh dijadikan satu model pemulihan penagih tegar.

Kajian yang dilakukan oleh Dadang (2017) telah memfokuskan kepada proses, strategi, metode dan teknik komunikasi terapeutik terhadap mangsa penyalahgunaan dadah di PRI (2) Putri Indonesia. Hasil kajian mendapati adanya proses komunikasi terapeutik antara pelatih dengan pembimbing. Strategi dilakukan dengan membimbing pelatih melalui interaksi komunikasi verbal dan nonverbal terapeutik dengan memberikan amalan TQN, iaitu *talqin* zikir, mandi taubat, sholat, zikir dan *khataman* (doa khatam).


Adeng dan Naan (2018) pula mengkaji tentang terapi taubat di Pondok Pesantren Suryalaya Indonesia. Hasil kajian mendapati bahawa terapi yang dijalankan adalah mengarahkan orang-orang yang menyimpang dari ajaran Islam supaya berada di landasan yang benar. Teknik yang digunakan dikenali sebagai *Inabah* (kembali). Program *inabah* adalah kaedah penyembuhan berasaskan rohani dengan memberi kesedaran kepada mangsa mengenai pentingnya usaha untuk menemui semula identiti, dan memahami kewujudan dan tujuan hidup. Kaedah *inabah* terdiri daripada; mandi taubat, berdo'a, zikir, *talqin* dan pembinaan diri.

Metod

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian ini berasaskan meta analisis. Kaedah pengumpulan data menggunakan kajian kepustakaan dengan meneliti artikel dan karya berkaitan Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah dan pemulihan dadah. Kaedah analisis data mengimplemenkan meta analisis terkhas terhadap artikel dan karya berkenaan Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah dalam rawatan pemulihan dadah. Untuk itu, beberapa pangkalan data yang dilanggan oleh perpustakaan universiti seperti *EBSCOHost*, *Science Direct*, *Proquest*, dan *Sage* telah digunakan untuk mencari, meneliti dan menganalisis artikel yang berkaitan. Selain itu, enjin carian *Google Scholar* dan *Google Search* juga turut digunakan bagi memastikan carian yang lebih meluas dapat dilakukan. Artikel berkaitan ini yang diterbitkan sekitar tahun 2006 hingga 2018. Artikel tersebut telah dianalisis secara sistematik menggunakan bantuan perisian Nvivo 12 bagi melihat pendekatakan-pendekatakan yang digunakan dalam pemulihan dadah.

Hasil Kajian Dan Perbincangan

Berdasarkan kepada meta analisis yang dilakukan terhadap ulasan-ulasan karya sebelum ini, hasil analisis *tree nodes* menunjukkan terdapat lima (5) pendekatan berasaskan kerohanian melalui amalan Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah sebagai alternatif rawatan dalam pemulihan dadah yang telah digunakan untuk merawat penagih dadah. Amalan-amalan tersebut merangkumi mandi taubat, solat, zikir, fardhu ain dan talqin dan baiat (Lihat Rajah 1). Berdasarkan kepada hasil kajian ini dapatlah dibincangkan bahawa pendekatan menggunakan kaedah Islam dalam rawatan pemulihan dadah adalah satu rawatan tradisional yang penting. Ini kerana manusia perlu berbalik kepada kejadian asalnya. Amalan-amalan pembersihan dan pentarbiahan jiwa dalam semasa rawatan dalam kalangan penagih dadah hendaklah dilaksanakan terlebih dahulu berpandukan Al-Quran serta Sunnah dan barulah melihat kepada rawatan-rawatan yang lain. Pelbagai kajian-kajian yang dilakukan sebelum ini telah membuktikan bahawa pendekatan kerohanian berasaskan Islam banyak memperolehi hasil pemulihan yang memberangsangkan dalam kalangan penagih dadah (Mahmood Nazar *et al.*, 2005; Muhammad Soleh, 2005 & Simpson, 2003;). Pendekatan kerohanian dan keagamaan yang dilihat penting kerana mampu menjadi banteng seseorang daripada melakukan perkara negatif yang merosakkan jati diri dan akhlak. (Khadijah *et al.*, 2013) serta mampu mensejahterakan fizikal, mental dan emosi agar dapat mengembalikan manusia kepada fitrah kejadian (Mohd Kamel, 2011). Oleh itu, kaedah berteraskan amalan keagamaan amalan Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah perlu berterusan dilaksanakan kerana kaedah ini mampu membantu memberikan keyakinan dan kekuatan diri kepada penagih untuk meninggalkan najis dadah dan mengubah tingkah lakunya ke arah yang lebih baik.



Rajah 1 Pola Pembentukan Tema Amalan Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah Dalam Pemulihan Dadah

Kesimpulan

Secara rumusannya, hasil kajian pendekatan keagamaan dan kerohanian berkonsepkan amalan Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah adalah satu intipati penemuan yang penting kepada para perancang dan penggubal dasar yang berkaitan dengan program pemulihan dadah. Ini kerana ia dapat dijadikan sebagai satu garis panduan bagi memastikan para penagih dadah terutamanya yang penagih tegar dapat dipulihkan. Selain itu, kaedah berteraskan keagamaan dan kerohanian seperti amalan Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah ini mampu membantu memberikan keyakinan dan kekuatan diri kepada penagih untuk meninggalkan najis dadah dan mengubah tingkah laku mereka (para penagih) ke arah yang lebih baik.

Rujukan

- Abdullah Abd Ghani, Selamah Maamor, Ahmad Bashir Aziz, Mohd Shahril Ahmad Razimi, Norazlina Abd Wahad, Nik Safiah Nik Abdullah & Nor Hanim Elias (2017). Kaedah rawatan penagih tegar dadah melalui pendekatan kerohanian: Kajian kes di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia. *Journal of Advanced Research In Business And Management Studies*, 7 (1), 39-50.
- Adeng Muchtar Ghazali & Naan (2018). Model Terapi Tobat dalam mengatasi kegersangan siritual masyarakat perkotaan (Studi Pemikiran Tokoh Sufi Di Jawa Barat). *Jurnal I'tibar*, Vol 6, 11.
- Agensi Anti Dadah Kebangsaan (2011). Cure & Care Service Centre (CCSC). *Majalah AADK*. Kajang: AADK.
- Al-Bustani, Fu'ad Ifram (1986). *Munjid al-Tullab*. Lubnan: Dar al-Mashriq.
- Alhamuddin (2015). Merawat jiwa menjaga tradisi: Dzikir dan Amal Thariqah Qadiriyyah Naqsabandiyah dalam rehabilitasi korban NAPZA sebagai terapis Ala Islam Nusantara. *Sosial Budaya: Media Komunikasi Ilmu-Ilmu Sosial Dan Budaya*, Vol.12, 1.
- Aris Try Andreas Putra (2016). Metode psikoreligious dalam rehabilitasi (Pendidikan dan Pembinaan Korban Napza dan Miras). *Jurnal Literasi*, Vol. 7, 1.
- Cecep Alba (2011). *Cahaya Tasawuf*. Bandung: Wahana Karya Grafika.
- Dadang Muliawan (2017). Komunikasi terapeutik korban penyalahgunaan narkoba melalui Tarekat. *Ilmu Dakwah: Academic Journal For Homiletic Studies*, Vol 11 (1), 173-196.
- Dodo Widarda (2011). TQN Pondok Pesantren Suryalaya dan upaya rekonstruksi masa depan kemanusiaan. Dalam Muhammad Fadhil *et al.*, *Tarekat Qodiriyyah Naqsyabandiyyah Pondok Pesantren Suryalaya*. Tasikmalaya: Mudawwamah Warohmah Press.
- Fuad Said (2003). *Hakikat Tarikat Naqsyabandiah*. Jakarta: Pustaka Al Husna Baru.
- Ibrahim Mustafa (1960). *Al-Mu'jam al-Wasith* (Juz 1 dan 2). Istanbul: al-Maktabah al-Islamiah Lit tiba'ah wa al-Nashr wa al-Tauzi'.
- Khadijah Alavi, Fauziah Ibrahim, Mohd Suhaimi Mohamad, Wan Shahrazad Wan Sulaiman, Salina Nen & Norulhuda Sarnon (2013). Tahap pengetahuan agama dalam kalangan banduan Parol: Ke arah pembentukan akhlak sejahtera. *e-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*, Vol.8 (2), 1-10.
- Mahmood Nazar Mohamed, Ismail Ishak, Noor Aniza Ishak & Muhamad Dzahir Kasa (2005). *Program pemulihan luar institusi untuk penagihan dadah*. Sintok, Kedah: Universiti Utara Malaysia.
- Muhammad Fadhil al-Jailani al-Hasan al-Husaini, Juhaya S. Praja, Cecep Alba, Nursamad Kamba, Ajid Thohir, Asep Salahudin, Wahfiuddin, Hasan Bisri, Irwan Masduqi, Aishah Mohamed & Dodo Widarda (2011). *Tarekat Qodiriyyah Naqsyabandiyyah Pondok*

- Pesantren Suryalaya (Membangun peradaban dunia)*. Tasikmalaya: Mudawwamah Warohmah Press.
- Muhammad Soleh (2005). *Agama sebagai terapi telaah menuju ilmu kedokteran holistik*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Moh Toriqul Chaer (2014). Terapi Inabah dan Pecandu. *Al Murabbi*, Vol.1, 1.
- Mohamad Zuki As Syujak (2006). Rawatan penagihan dadah: Pendekatan kerohanian menggunakan metode Thoriqot Qodiriyyah Wan Naqyabandiyyah (TQN). Dalam Mahmood Nazar Mohamed *et al.*, *Mencegah, merawat dan memulihkan penagihan dadah: Beberapa pendekatan dan amalan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Mohd Kamel Idris (2011). *Mencari kesejahteraan minda, emosi dan fizikal*. Selangor: MKI Publishing.
- Pasukan Petugas Anti Dadah Majlis Keselamatan Negara (1997). *Dadah apa anda perlu tahu*. Kuala Lumpur: Delmu (Malaysia) Sdn Bhd.
- Puad Hasim (2018). Konseling berbasis nilai-nilai sufistik di Pondok Pesantren Suryalaya. *Jurnal Latifah*, Volume 2, 2.
- Sabir Abdul Ghani (2013). *Perlaksanaan rawatan pemulihan dadah berdasarkan pendekatan Islam di Pondok Remaja Inabah*. Tesis Sarjana. Terengganu: Universiti Malaysia Terengganu.
- Selamah Maamor, Abdullah Abdul Ghani, Ahmad Bashir Aziz, Mohd Shahri Ahmad Razimi, Norazlina Abdul Wahab, Nor Hanim Elias & Nik Safiah Nik Abdullah (2016). Spirituality in alternative correctional method on hard core drug addict: Case study of “Anak Bina Inabah”. *Junal Sains Humanika*, Vol 8 (4), 77-82.
- Selamah Maamor, Norazlina Abdul Wahab, Abdullah Abd Ghani, Ahmad Bashir Aziz, Mohd Shahril Ahmad Razimi, Nor Hanim Elias & Nik Safiah Nik Abdullah (2017). Correctional method on hard core drug addicted: A study on AADK, AADK-I And INABAH. *Journal of Advance Research In Business And Management Studies*, Vol 8 (1), 21-30.
- Simpson, D. D (2003). Introduction to 5-Year follow-up treatment outcome studies. *Journal of Substance Abuse Treatment*, 25 (3), 123-124.
- Sri Mulyati (2006). *Tasawuf Nusantara: Rangkaian Mutiara Sufi Terkemuka*. Jakarta: Kencana Prenada Media Group.
- Syarifah Gustiawati Mukri, A. Rahman Rosyadi & Didin Saefuddin (2015). Metode Pendidikan Islam dalam penanggulangan penyalahgunaan narkoba bagi remaja di Pondok Remaja Inabah Suryalaya Tasikmalaya. *International Journal of Islamic Education Ta'dibuna*, Vol.4, 1.